


Bahagian A**[Masa dicadangkan : 45 minit]****[30 markah]**

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kesan-kesan kedatangan pendatang asing tanpa izin di Malaysia. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kampung anda berpotensi menjadi sebuah kawasan pelancongan yang menarik. Anda bercadang untuk menulis surat kepada pegawai daerah menyatakan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di kampung anda dan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kemudahan yang ada.

Tulis surat itu selengkapnya.

2. Keselamatan anak-anak adalah tanggungjawab keluarga.

Bincangkan.

3. Mutu sukan negara kita pada masa ini berada pada tahap kurang memuaskan. Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan kemerosotan mutu sukan negara dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.

4. Pemimpin negara sering melawat ke luar negara untuk meningkatkan hubungan dua hala dengan ketua-ketua negara yang dikunjungi. Menerusi pertemuan yang diadakan, banyak perkara yang dapat dibincangkan.

Nyatakan faedah-faedah yang diperoleh hasil kunjungan tersebut.

5. Anda mendapati sebuah novel yang anda baca sangat menarik. Anda bercadang untuk mengulas novel tersebut untuk disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan.

Sediakan ulasan tersebut selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT